



TEKS UCAPAN

**Y.B DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS MAKAN MALAM DAN PENYAMPAIAN
WATIKAH PERLANTIKAN PEGAWAI SERANTA RISDA**

HOTEL PRIMERA, KUALA LUMPUR

**31 MEI 2016, SELASA
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

Bismillahirrahmanirrahim...

YBrs. Pengacara Majlis,

**YB Datuk Zahidi b. Zainul Abidin
Pengerusi RISDA**

**Y.Bhg. Datuk Ton Zalani bin Mat Darus
Ketua Pegawai Seranta RISDA**

**Y. Bhg Dato' Zamri bin Yaakob
Pengerusi NARSCO**

**Timbalan-timbalan Ketua Pengarah RISDA
Pengerusi Syarikat Milikan RISDA**

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan Pegawai Seranta yang dikasihi sekalian...

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis ini yang amat bermakna kepada semua Pegawai Seranta RISDA. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak RISDA kerana telah mengaturkan majlis ini dan memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan semua Pegawai Seranta seluruh Malaysia. Sesungguhnya kehadiran Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan membuktikan kesungguhan kita semua untuk membimbing dan menyokong pergerakan seranta supaya dapat mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi di masa akan datang.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Secara umumnya Pegawai Seranta akan menjadi pendokong aspirasi Kerajaan berteraskan tiga matlamat iaitu Memajukan Masyarakat Pekebun Kecil, Membina Generasi Baru Pekebun Kecil dan Memperkukuhkan Silaturrahim Antara KKLW, RISDA, Pemimpin Tempatan dan Pekebun Kecil. Bagi mencapai aspirasi Kerajaan, suka untuk saya menjelaskan tugas – tugas utama yang akan dimainkan oleh Pegawai Seranta.

- i. Pegawai Seranta perlu bertindak menjelaskan semua dasar Kerajaan yang akan, sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan KKLW kepada kumpulan sasaran
- ii. Memenangi hati dan pemikiran kumpulan sasaran dan seterusnya mengekalkan sokongan mereka terhadap usaha – usaha kerajaan di dalam meningkatkan taraf hidup khususnya warga pekebun kecil dan masyarakat yang mempunyai hubungan dengannya
- iii. Mendapatkan maklumat mengenai perkembangan sosiopolitik dan ekonomi di kawasan – kawasan masyarakat pekebun kecil dan memproses maklumat berkenaan untuk dijadikan asa tindakan seterusnya
- iv. Menyebar dan memberi maklumat serta menjelaskan isu – isu semasa kepada warga pekebun kecil serta masyarakat berkaitan program KKLW dan RISDA
- v. Membantu pengurusan RISDA mengadakan seminar, dialog, forum, ceramah dan aktiviti lain yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran.

3. Untuk makluman semua pegawai seranta, saya telah pun melancarkan **TRANSFORMASI LUAR BANDAR** dan Tema transformasi tersebut ialah **‘Membandarkan Luar Bandar’** yakni menjadikan kawasan luar bandar di negara kita lebih kondusif dengan pelbagai kemudahan seperti yang ada di bandar. Ianya juga melangkaui penyediaan infrastruktur asas, penyediaan peluang pekerjaan, peluang peningkatan ekonomi dan sosial sehinggalah pembangunan modal insan dan pengukuhan sistem penyampaian di luar bandar. Terdapat 19 Transformasi yang bakal dilaksanakan oleh KKLW dan semua agensi-agensinya yang bakal memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat di luar bandar

4. Antara fokus yang terkandung dalam transformasi luar bandar ialah:

- i. Mempergiatkan penyediaan kemudahan infrastruktur asas luar bandar yang memberi tumpuan khusus kepada kawasan yang masih belum diliputi.
- ii. Memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan di luar bandar.
- iii. Mewujudkan *tehno-hub* usahawan belia.
- iv. Menyediakan perumahan untuk Generasi Kedua luar bandar (Rumah Bina Negara/Rumah BN)
- v. Mewujudkan *Rural Premium Outlet (RPO)*
- vi. Menaikaraf kedai-kedai di luar bandar.
- vii. Memperkasa masyarakat Bumiputera luar bandar di Sabah dan Sarawak.
- viii. Memperkasa Majlis Pembangunan Luar Bandar sebagai entiti perancangan dan pemantauan projek di peringkat parlimen,

5. Justeru, saya berharap program-program yang direncanakan di bawah transformasi ini akan memberi manfaat kepada rakyat di luar bandar dan bakal mengubah landskap luar bandar secara keseluruhannya. KKLW dan RISDA akan terus kita gemilangkan. Kerjasama 4 kumpulan; warga pekebun kecil, pengurusan RISDA, pengurusan KKLW dan para pemimpin yang ada hubungan, amatlah penting. Segala perancangan hanya akan berjaya jika semua pihak berganding bahu, bersama berjuang dengan matlamat iaitu membina warga KKLW dan RISDA yang terbaik dan menjadi contoh untuk masyarakat luar bandar.

6. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai Seranta yang telah dilantik. Semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komited dan berdedikasi. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pegawai seranta yang datang dari jauh dan dekat untuk membuktikan semangat kekitaan dan kebersamaan dalam meneruskan perjuangan untuk memartabatkan masyarakat luar bandar.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Terima Kasih